## NEWSPAPER CLIPPING

| | | |
|---|---|---|
| Date | : | **23 September 2016** |
| Title | : | **Orang ramai dijemput hadir Hari Terbuka UNITEN** |
| Publication | : | **Harian Metro** |
| Page | : | **65** |

---

# Orang ramai dijemput hadir Hari Terbuka UNITEN

**Kuala Lumpur:** Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) mempelawa lepasan sekolah dan juga ibu bapa mengunjungi Hari Terbuka UNITEN di kampus induknya di Putrajaya, esok mulai jam 8 pagi.

Pelbagai acara menarik menanti pengunjung dengan masing-masing berpeluang menikmati suasana kehidupan kampus yang begitu kondusif, selain melihat sendiri pelbagai kemudahan pengajaran serta pembelajaran. Selain kemudahan peralatan canggih untuk aktiviti sukan dan rekreasi.

Pameran dan taklimat kerjaya juga disediakan pihak pengurusan Kolej Kejuruteraan, Teknologi Maklumat, Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan. Bagi kemudahan pengunjung, penganjur juga menyediakan khidmat nasihat, kaunseling dan bot pembiayaan pembelajaran.

Lepasan sekolah yang masih mencari program pengajian bersesuaian, bolehlah berinteraksi secara terus dengan pensyarah dan warga akademik UNITEN yang sentiasa menyalurkan maklumat mengenai pemilihan kursus berdasarkan kelayakan.

Selain yuran proses percuma kepada warganegara Malaysia, seramai 100 pelajar yang berjaya ditawarkan tempat juga bakal menerima tawaran pengecualian Bayaran Menunjukkan Kesungguhan RM 300.

Keterangan lanjut, boleh melayari laman web www.uniten.edu.my.